



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA
BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA

Tel : 03-77276166
Fax: 03-77267199

Ruj. Kami : SMKBU3/01/02/016(4)
Tarikh : 11 OKTOBER 2010

Yang dihormati Ibu Bapa/Penjaga,
Pelajar-pelajar Tingkatan 3 (2010),
SMK Bandar Utama Damansara (3),
Petaling Jaya.

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Pemilihan Pakej Mata Pelajaran Tingkatan Empat Tahun 2011 dan SPM tahun 2012

Dengan hormatnya kami ingin menarik perhatian Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mulai tahun 2000 pelajar-pelajar lepasan SPM akan menerima Sijil Terbuka. Ciri-ciri Sijil Terbuka adalah seperti LAMPIRAN I.
3. Semua calon SPM diwajibkan mengambil mata pelajaran wajib, iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Matematik Moden dan *Sains (*Untuk pelajar bukan aliran Sains). Mata pelajaran tambahan adalah berdasarkan pakej yang ditawarkan. Mulai tahun 2010, calon dibenarkan mengambil maksimum 10 mata pelajaran sahaja.
4. AJK pemilihan mata pelajaran SMK Bandar Utama Damansara (3) telah memutuskan bahawa pakej mata pelajaran yang ditawarkan adalah seperti berikut :(sila rujuk pada LAMPIRAN II)

Pakej Subjek	Pakej 1 Sains Tulen	Pakej 2 Akaun	Pakej 3 Sastera (I)	Pakej 4 Sastera (II)
Teras	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral/Agama Matematik Moden	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral/Agama Sains Teras Matematik Moden	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral/Agama Sains Teras Matematik Moden	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral/Agama Sains Teras Matematik Moden
Elektif	Fizik Kimia Biologi Math. Tambahan	Math. Tambahan Prinsip Akaun Ekonomi Asas	Prinsip Akaun Ekonomi Asas	Perdagangan / Pendidikan Seni

5. Penempatan pakej mata pelajaran adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

5.1 Keputusan PMR (2010) diambil kira:

Untuk **Pakej 1** : 6A ke atas dengan Gred AA (untuk mata pelajaran Sains dan Matematik), Gred AA (untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris,) dan mata pelajaran lain sekurang-kurangnya B.

Untuk **Pakej 2** : 4A ke atas dengan Gred AA/AB (untuk mata pelajaran Sains dan Matematik).

5.2 Keputusan yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas **TIDAK** akan dilayan.

5.3 Permohonan pertukaran pakej hanya akan dilayan dengan jaminan ibu bapa dan keputusan prestasi pelajar dalam peperiksaan sekolah.

5.4 Surat Akuan hendaklah ditandatangani oleh pelajar dan ibu bapa sebelum permohonan dilayan.

5.5 Semua rayuan untuk pertukaran pakej mesti mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pakej seperti yang dinyatakan di 5.1.

5.6 Keputusan semua rayuan hanya akan diumumkan dua minggu selepas pengumuman penempatan pakej.

6. Keputusan muktamad dan penempatan pelajar bergantung kepada kemudahan sekolah, kesediaan tempat dan pilihan yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar. Pihak sekolah boleh menukar pakej pilihan sekiranya difikirkan tidak bersesuaian dengan kelayakan pelajar.

7. Kerjasama Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai demi kejayaan anak-anak pada masa depan dan kelicinan pengurusan pentadbiran sekolah.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,

.....

CIRI-CIRI PENSIJILAN TERBUKA

CIRI	PENSIJILAN TERBUKA
KELAYAKAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan/Sekolah Menengah Kebangsaan Swasta yang diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ATAU • Mereka yang telah mengambil SPM ATAU • Berumur 19 tahun pada 1 Januari tahun peperiksaan. • Tertakluk kepada pekeliling terkini Kementerian Pelajaran.
PENDAFTARAN	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil SPM kali pertama Mesti mendaftar untuk mengambil mata pelajaran wajib. Boleh memilih mata pelajaran tambahan daripada senarai nama pelajaran yang ditawarkan (tertakluk kepada jadual peperiksaan). Calon hanya dibenarkan mengambil maksimum 12 mata pelajaran. • Calon mengulang Mesti mendaftar seperti calon yang mengambil SPM buat pertama kali. • Calon patching termasuk calon SPM (Julai) Boleh mendaftar untuk mengambil mana-mana pelajaran yang ingin diperbaiki keputusannya sahaja (tertakluk kepada syarat mata pelajaran). • Syarat Telah lulus Bahasa Melayu dan mendapat sijil SPM.
PENAWARAN	<ul style="list-style-type: none"> • Mata pelajaran wajib : Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Sejarah Pendidikan Islam ATAU Pengetahuan Moral <p style="text-align: right;">} Teras</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mata pelajaran pilihan Mana-mana mata pelajaran seperti disenaraikan.
SYARAT PEMBERIAN SIJIL	Lulus Bahasa Melayu
PELAPORAN	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pangkat • Tiada agregat • Pencapaian setiap mata pelajaran dilaporkan seperti berikut: Cemerlang A+, A, A– Kepujian B+, B, C+, C Lulus D, E Gagal G

Pentafsiran Markah dan Gred Peperiksaan Sekolah Tingkatan 4 & 5

Markah	Gred	Pencapaian
90 – 100	A+	Cemerlang
80 – 89	A	Cemerlang
70 – 79	A–	Cemerlang
65 – 69	B+	Kepujian
60 – 64	B	Kepujian
55 – 59	C+	Kepujian
50 – 54	C	Kepujian
45 – 49	D	Lulus
40 – 44	E	Lulus
0 – 39	G	Gagal

LAMPIRAN II

PAKEJ	MATA PELAJARAN	BIDANG PENGAJIAN YANG BOLEH DIPILIH DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
1	Teras (Tiada Sains) + Fizik + Kimia + Biologi + Matematik Tambahan	Sains, Sains Gunaan, Sains Kajihayat, Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Sains Matematik, Teknologi Polimer, Kimia Industri, Sains Makanan, Sains Komputer, Pendidikan, Arkitektur, Teknologi Tekstil, Mikro Biologi, Bioteknologi, Farmasi, Ukur Bahan dan Perakaunan.
2	Teras (Termasuk Sains) + Matematik Tambahan + Prinsip Akaun + Ekonomi	Kejuruteraan, Sains Gunaan, Teknologi, Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Bank, Perakaunan, Ekonomi, Pendidikan, Perhotelan, Teknik Vokasional, Perniagaan Tani.
3	Teras (Termasuk Sains) + Prinsip Akaun + Ekonomi	Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Bank, Ekonomi, Pendidikan, Perakaunan, Perhotelan, Teknik Vokasional, Perniagaan Tani.
4	Teras (Termasuk Sains) + Perdagangan + Pendidikan Seni	Pengurusan Perniagaan, Ekonomi, Pendidikan, Seni Reka, Seni Grafik, Seni Persembahan, Hiasan Dalaman, Animasi, Komunikasi, Kewartawanan, Multimedia, Pendidikan, Pembangunan Kemanusiaan, Undang-undang.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA
BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA

Tel : 03-77276166
Fax: 03-77267199

BORANG PEMILIHAN PAKEJ MATA PELAJARAN TINGKATAN 4 TAHUN 2011

Nama Pelajar : _____Tingkatan (2010) _____

Jantina : * Lelaki / Perempuan

Pakej Pilihan : * 1 2 3 4

Mata Pelajaran : _____

* Tandakan \checkmark jika anda memilih untuk mengambil
Bahasa Cina @ Bahasa Tamil

Keputusan PMR 2010

M/P	BM	BI	MT	SN	GEO	SEJ	KH	PI	BC/BT
Gred									

* Sila sertakan salinan slip keputusan PMR 2010

Tanda tangan Pelajar

Pengesahan Ibu Bapa/Penjaga:

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya maklum dengan pilihan yang dibuat ini.

Tanda tangan Ibu Bapa/Penjaga

* Tandakan \checkmark pada ruang yang berkenaan



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA
BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA

Tel : 03-77276166

Fax: 03-77267199

Surat Rayuan Untuk Pertukaran Pakej Mata Pelajaran Tingkatan 4 Tahun 2011

Nama Pelajar :

Tingkatan : (2010)..... (2011): kepada :

Dari Pakej : Ke Pakej

Sebab-sebab : 1.

2.

Keputusan PMR (2010) : Ya (/)

(i) Salinan fotostat

(ii) Disahkan

.....
Tandatangan Ibu Bapa

Nama Ibu/Bapa :

Alamat :

.....

Tarikh :